



SIARAN AKHBAR

Penjelasan mengenai Garispandu *FinTech Regulatory Sandbox*

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah mendapati bahawa ada beberapa individu yang menyalah gunakan Siaran Akhbar AMBD mengenai Garispandu *FinTech Regulatory Sandbox* sebagai satu cara untuk mensahkan skim yang tidak berlesen.
2. AMBD ingin menjelaskan bahawa Garispandu *FinTech Regulatory Sandbox* adalah untuk syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat (Bab 39), atau perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Nama-Nama Perniagaan (Bab 92), yang ingin menguji produk atau perkhidmatan inovatif yang mungkin akan dikawal selia oleh AMBD. Fasa ujian ini dijalankan dengan *regulatory support* AMBD.
3. Setelah permohonan untuk ikut serta dalam *FinTech Regulatory Sandbox* diluluskan, syarikat dibolehkan untuk menguji produk atau perkhidmatan mereka dengan peraturan-peraturan dan had-had yang telah dipersetujui antara AMBD dan syarikat tersebut, dengan tujuan untuk membendung risiko yang berkaitan dengan kegagalan syarikat atau ujian yang terlibat.
4. Pada akhir tempoh ujian, syarikat tersebut akan dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan (termasuk permohonan lesen produk dan/ atau perkhidmatan) yang berkaitan untuk meneruskan operasinya.
5. AMBD ingin memaklumkan bahawa pada masa ini, tidak ada syarikat-syarikat yang diberikan kebenaran untuk beroperasi dengan *FinTech Regulatory Sandbox*. AMBD akan terus mengemaskinikan maklumat mengenai *FinTech Regulatory Sandbox*, termasuk syarikat-syarikat yang diberikan kebenaran untuk beroperasi di bawahnya di laman web AMBD dari masa ke semasa.
6. AMBD juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa AMBD telah menerbitkan *Alert List* di dalam laman web AMBD. *Alert List* ini mengandungi senarai syarikat-syarikat dan laman web yang tidak mempunyai kebenaran untuk menawarkan perkhidmatan kewangan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan dalam kawalan AMBD atau menjalankan mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan samada ianya menyalahi undang-undang. Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-aktiviti syarikat berkenaan.
7. Bagi senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD, orang ramai boleh mendapatkannya dari AMBD App, yang boleh dimuat turun melalui 'App Store' dan 'Google Playstore'; atau dengan melayari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>. Sila ikuti AMBD di Instagram melalui @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 1 Rejab 1438 / 29 Mac 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3

